



## TEKS AMANAT NAIB CANSELOR 2025

Yang Berbahagia

Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc Naib Canselor, Universiti  
Teknologi MARA

Tarikh: **15 Januari 2025** | Masa: **9.00 pagi** Tempat: **Dewan Konsert  
Seri Budiman,  
UiTM Shah Alam**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam  
Malaysia MADANI, dan Salam UiTM Di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita diberikan kesihatan tubuh badan dan kesempatan bersama dalam **Amanat Naib Canselor 2025**.
2. Masih tidak terlewat untuk diucapkan **Selamat Tahun Baharu** kepada semua warga UiTM, walau di mana jua anda berada.
3. Tahun 2024 telah pun melabuhkan tirainya, meninggalkan pelbagai memori dan pencapaian yang menjadi sebahagian daripada perjalanan kita bersama. Dalam kita terus mara menuju masa depan yang lebih gemilang, janganlah kita

alpa untuk menoleh sejenak ke belakang, merenung kembali langkah-langkah yang telah dilakar.

4. Pada masa yang sama, kita turut berduka cita dengan kehilangan **73** ahli keluarga UiTM pada tahun lepas, yang mana **36** daripadanya adalah pelajar, manakala **37** daripadanya pula merupakan staf yang telah pergi semasa dalam pengajian dan perkhidmatan. Tidak lupa juga para alumni UiTM yang telah meninggalkan legasi mereka untuk kelangsungan generasi hari ini.
5. Justeru, marilah kita bersama-sama menghadiahkan **Al-Fatihah** kepada mereka semua. **(Al-Fatihah)**

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

6. Daripada setiap pencapaian mahupun cabaran, terselit pengajaran yang memberikan kekuatan untuk kita melangkah lebih jauh. Pengalaman yang dilalui bukan sahaja menjadi cerminan kekuatan dan kelemahan kita, tetapi juga sebagai pedoman untuk memperkuuh tekad dan strategi bagi mendepani cabaran yang mendarat.
7. Tahun 2024, seperti yang kita maklum UiTM secara keseluruhan telah melalui pelbagai cabaran dan dugaan terhadap sistem kewangannya, aktiviti mahasiswa, sistem pentadbiran dan seluruh perjalanan operasi universiti ini.
8. Antara isu terbesar yang telah kita hadapi pada tahun lepas dan membawa sehingga ke tahun ini, yang mana **UiTM berdepan dengan cabaran kewangan yang agak getir**. Namun, alhamdulillah, walaupun dalam kekangan tersebut, UiTM telah berjaya melepassi pelbagai halangan dengan memperolehi pelbagai bentuk pencapaian.
9. **Tahniah** diucapkan kepada semua pengurusan universiti, Ketua-Ketua PTJ, barisan staf pentadbiran dan operasi serta ahli akademik, yang telah memberikan seribu satu kenangan manis serta mengharumkan nama Universiti sepanjang tahun 2024.

10. Inilah **berkat kebersamaan dan sokongan padu** dalam menempuh cabaran telah dibuktikan melalui komitmen dan kesungguhan bagi mencapai petunjuk prestasi masing-masing. *Alhamdulillah.*

**Keluarga UiTM yang dikasih sekalian,**

11. Mengimbas kepada pesanan YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi di Perhimpunan Bulanan KPT, beliau ada menekankan **Semangat Kerja Berpasukan**. Antara kata kuncinya, adalah menjadikan 'I' kepada 'We'. Ini tidak jauh konsepnya dengan **kebersamaan**.
12. Hari ini, kita berhimpun sebagai **satu keluarga besar UiTM**, bukan hanya untuk memperdengarkan amanat ini, tetapi untuk memperkuatkan **semangat kebersamaan dalam meneruskan agenda besar kita – menjadikan UiTM sebagai peneraju pembangunan bumiputera profesional** yang kompeten, dinamik, dan berdaya saing.
13. **Kebersamaan** bukan sekadar slogan; ia adalah **roh** yang menggerakkan visi dan misi kita. Dalam perjalanan menuju kecemerlangan, **usaha kita tidak boleh berdiri sendiri**. Ia memerlukan sinergi antara mahasiswa, staf akademik, pentadbir, alumni, dan rakan industri untuk berganding bahu mencipta kecemerlangan akademik dan membentuk sebuah komuniti bumiputera yang inklusif, progresif, dan disegani.
14. Penghayatan ini juga diterapkan bersama moto universiti iaitu "**Usaha, Takwa, Mulia**".
- Usaha memperlihatkan **dedikasi dan komitmen tanpa henti** untuk mencapai kecemerlangan.
  - Takwa adalah peringatan kepada kita agar usaha yang dilakukan **berlandaskan integriti** serta **ikhlas**, dan;
  - Mulia mencerminkan aspirasi kita untuk mencapai **kejayaan dengan cara yang beretika**.

15. Tanpa melupakan **maqasid penubuhan universiti keramat** ini dan juga sebagai **pemegang mandat untuk memperkasakan pendidikan tinggi bumiputera** di Malaysia, **kita** akan berdepan dengan tahun 2025 yang lebih mencabar bersama-sama. Teruslah berpegang kepada moto, tidak berputus asa, dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan seperti gagasan dalam GRU 2025.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

16. Tema **Pengiktirafan Global** pada tahun 2024 membawa aspirasi UiTM untuk terus maju dalam pelbagai bidang, khususnya dalam pendidikan, penyelidikan, dan inovasi, dengan matlamat menjadi institusi ini diiktiraf pada peringkat antarabangsa.
17. *Alhamdulillah*, apa yang kita capai pada tahun lepas, merupakan pemangkin untuk kita terus melengkapkan segala perancangan UiTM2025 di fasa terakhir perlaksananya. Berpandukan kepada **6 tonggak pengiktirafan global**, banyak penglibatan secara aktif telah berjaya dilaksanakan dengan baik.
18. Kita mempunyai warga yang mendapat pengiktirafan dunia melalui beberapa pencapaian. Misalnya, UiTM mempunyai penyelidik tersohor dunia yang mana **10 penyelidik UiTM** telah tersenarai dalam **World's Top 2% Scientist** bagi *Single Year Achievement* dan **6 penyelidik UiTM** bagi *Career-Long Achievement*.
19. Tidak kurang hebatnya mahasiswa UiTM. Pelajar dari Fakulti Perakaunan misalnya, telah merangkul pencapaian luar biasa dalam peperiksaan ACCA yang diumumkan baru-baru ini.
20. Selain itu, termasuklah pengiktirafan yang diterima universiti melalui QS World University Rankings, QS Asia University Rankings, THE Impact Rankings dan UI GreenMetric World University Rankings. '*Ranking*' bukan lagi menjadi keutamaan, kedudukan tangga pula hanya sekadar nombor. Apa yang kita mahukan adalah peningkatan kepada semua tahap penilaian indikator yang membawa kepada kecemerlangan universiti.

21. Inilah yang dikatakan sebagai, “***Excellence is not about doing extra things; it is about doing ordinary things extraordinarily well.***” Ini bermakna “Kecemerlangan bukanlah tentang melakukan perkara tambahan, tetapi tentang melaksanakan perkara biasa dengan cara yang luar biasa”.
22. Apa yang ingin dikupaskan dari frasa tadi, adalah untuk mencapai kecemerlangan, seseorang itu tidak perlu memaksa diri untuk mencipta perkara baharu atau melakukan lebih daripada apa yang diperlukan. Sebaliknya, kecemerlangan itu dicapai melalui **konsentrasi yang mendalam kepada tugas rutin** serta dilaksanakan dengan kreatif dan berdedikasi.
23. Selain itu, konsep ini juga relevan dalam konteks kerja harian. Sebagai contoh, melakukan tanggungjawab dengan serius, memastikan kualiti dalam setiap tugas dan tidak mengambil mudah dalam sesuatu kerja, juga boleh melahirkan hasil yang luar biasa.
24. Seperti peribahasa yang berbunyi, “**Genggam bara api, biarlah sampai menjadi arang**”. Inilah bukti yang tercapai dari usaha bersama yang berterusan dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan berimpak kepada para pelajar. **Terima kasih dan syabas** diucapkan buat semua.
25. Marilah kita bersama-sama **memberikan tepukan gemuruh** atas pencapaian kita sepanjang 2024.

**Hadirin sekalian,**

26. **Tahun 2025 merupakan fasa peralihan bagi Pelan Strategik UiTM2030.** Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini juga ada menyatakan semasa Majlis Perutusan KPT 2025, dalam menuju ke arah perancangan keterhadapan, apa yang dirancang perlu dijajarkan langsung atau ‘continually’ kepada tahun yang berikutnya.

27. Sehubungan dengan itu, tema pada tahun ini iaitu menjadi ‘**Universiti Terkemuka Dunia**’ atau ‘**Globally Renowned University**’, perlu dilabuhkan dengan sebaiknya agar, kesinambungannya dapat kita teruskan dan dimanfaatkan untuk 10 tahun akan datang.
28. Selari dengan hasrat KPT, pada tahun ini perancangan UiTM telah dipetakan kepada **Fokus Utama** bersama **Agenda Transformasi Pendidikan Tinggi 2025**, yang bergerak seiring dengan **3 Teras Strategik** dan **9 Tema Strategik UiTM2025**.
29. Pada tahun ini, UiTM telah menggariskan **21 Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** yang perlu dicapai oleh Ketua-ketua PTj yang berkaitan. Antara KPI yang ingin diberi penekanan agar GRU2025 mendarat dengan baik ialah:
- **KPI 1 - Pengakreditasian Program oleh Badan Profesional (Kebangsaan/ Antarabangsa)**, menyasarkan 140 program.
  - **KPI 7 - Nisbah Penerbitan Berindeks**, menyasarkan Scopus, WoS dan ERA adalah 1:1.3.
  - **KPI 19 - Penjanaan Pendapatan Universiti**, yang menyasarkan sebanyak 478 juta ringgit.
30. Berbanding pada tahun 2024, terdapat beberapa penambahbaikan kepada **fokus utama bersama program-program Signature terhadap 7 fokus dan 7 penekanan serta lain-lain inisiatif berimpak**, di bawah Pengarah Peneraju sebagai **Vice Chancellor Special Project tahun 2025/2026**.
31. **10 Ionjakan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM 2025-2035)** yang telah digariskan oleh Menteri KPT sempena Majlis Perutusan 2025 akan dilaksanakan melalui **Fokus Utama** berikut:
- Fokus 1 : Penyediaan Bakat Terbaik Negara
  - Fokus 2 : Kewibawaan Akademia dan Warga Kampus
  - Fokus 3 : Pemindahan dan Perkongsian Ilmu
  - Fokus 4 : Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi
  - Fokus 5 : Governan dan Kepimpinan
  - Fokus 6: Kemampanan Kewangan IPT

- Fokus 7: Infrastruktur, Digital dan Kesejahteraan Kampus

**Hadirin sekalian,**

32. Fokus pertama iaitu **Penyediaan bakat terbaik untuk universiti** merujuk kepada strategi dan inisiatif yang dirancang dalam memastikan universiti mempunyai tenaga kerja serta pelajar yang berkualiti tinggi dan kompeten.
33. Justeru, bagi meningkatkan kompetensi dan kualiti universiti, nisbah pensyarah yang mempunyai kelayakan PhD khususnya, haruslah seimbang dengan lingkungan kapasiti pelajar dan program di universiti.
34. Sejajar dengan itu, kita cuba menjadikan UiTM sebagai sebuah kampus berkonsepkan '**Edu-Experiential Immersive Campus**' yang menekankan pembelajaran dan pengajaran yang diintegrasikan secara langsung dengan proses industri sebenar.
35. Dengan pemerksaan '**Industry on Campus**' ini, mahasiswa bukan sahaja memperoleh ilmu teori tetapi juga memiliki pengalaman praktikal yang relevan dengan keperluan pasaran, memahami cabaran dan kalis masa depan.
36. Oleh itu, program P&P yang sedia ada perlu diperhebat dengan menerapkan modul-modul yang memanfaatkan teknologi Kecerdasan Buatan, *Mixed Reality*, dan *Internet of Things*. Manakala, modul-modul keusahawanan, akan kita mantapkan. Pada masa yang sama, program akademik yang berpacukan industri (*industry-driven*) seperti TVET & HETVET akan terus diperkasa.
37. Seterusnya, bagi tujuan merancakkan bilangan **Syarikat Pemula**, UiTM akan memperkenalkan inisiatif yang melibatkan mahasiswa dengan kerjasama semua pemegang taruh. Dalam membantu usaha ini, program Pemantapan Kepimpinan Akademik melalui '**idea pitching**' semestinya **diperbanyakkan**, seperti penganjuran 'Karnival Keusahawanan' yang pernah dilaksanakan.

38. Insya-Allah, inisiatif ini akan mampu melahirkan lebih ramai pemimpin yang mempunyai potensi dan berkarisma.
39. Fokus kedua, iaitu **Kewibawaan Akademia dan Warga Kampus** amat penting dalam kelestarian sesebuah universiti, yang mana, akan memperlihatkan kompetensi profesional dan jati diri warganya.
40. Justeru, sebagai alternatif untuk pemerkasaan warga universiti, satu **Repositori Kepakaran Bersepadu perlu diwujudkan**. Walaupun, kita mempunyai UiTM Expert, akan tetapi, ia perlulah dimantapkan dengan mengambil kira juga Staf Pentadbir. Bukan sijil sahaja yang perlu direkodkan, malah pengalaman, kebolehan dan kemahiran juga perlu diberi perhatian.
41. Secara analoginya, jika kita mempunyai anak kapal yang berkemahiran dalam kimpalan, seharusnya nakhodanya perlu tahu akan kemahiran itu. Ia penting dalam sistem organisasi bagi penyelenggaraan dan pengendalian sesebuah kapal.
42. Dalam mendukung **nilai murni ESI** dan **i-DART** universiti, warga haruslah dilengkapi dengan **DNA UiTM** melalui **latihan khusus yang berstruktur** bagi membentuk watak serta tingkah laku. Di sinilah, **roh UiTM di Hatiku** itu dapat diterapkan secara tidak langsung kepada warga.
43. Selain itu, **fleksibiliti dalam laluan kerjaya** para akademik mahupun staf pentadbir untuk menjalani **program sangkutan industri** atau *industrial attachment*, perlu digalakkan. Misalnya, PTJ atau Fakulti perlu memikirkan dalam perancangannya, agar **sekurang-kurangnya seorang calon yang disangkutkan dengan mana-mana industri luar** untuk satu tempoh tertentu.
44. Selaras dengan **matlamat Humanizing Education 5.0**, kita perlu sentiasa peka dan kreatif dalam mencari peluang berkolaborasi bersama rakan industri. Sebagai contoh, **penambahbaikan ruang kuliah bagi tujuan** untuk meningkatkan kualiti akademik UiTM. Baru-baru ini, kita telah menerima ruang P&P yang dilengkapi dengan teknologi terkini melalui **Projek Galaxy Campus**

hasil kerjasama dengan **Samsung x Google**.

45. Dalam usaha memperkuuh semangat kekeluargaan dan kewibawaan warga, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 24/2024 telah memberi kelulusan kepada inisiatif **Program UiTM Happiness Walk 2025**. Acara ini akan menjadi platform yang menyatukan seluruh warga kampus dengan keluarga, masyarakat setempat, alumni, serta pemegang taruh.

**Warga UiTM yang dikasihi,**

46. *“Menuntut ilmu adalah taqwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad.”* - oleh Imam Al-Ghazali
47. Apa yang boleh ditafsirkan di sini, ilmu adalah salah satu jalan mendekat diri kepada Allah SWT. Di mana-mana universiti, perkongsian ilmu merupakan asas kepada budaya akademik yang seharusnya dizahirkan sebagai amal ibadah.
48. Sehubungan dengan itu, **Fokus 3** adalah berkenaan **Perpindahan dan Perkongsian Ilmu**. Beberapa strategi dalam pemantapan sistem akademik dan pengantarabangsaan telah dirancang dengan menyasarkan inisiatif pembelajaran sepanjang hayat.
49. Di bawah inisiatif **Pemetaan Strategi Penawaran Program Akademik**, kita perlu segera memastikan program yang ditawarkan adalah relevan dengan keperluan industri dan masyarakat. Bagi program yang dilihat kurang popular, ia perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Semua ini adalah langkah penting untuk memastikan kecemerlangan akademik yang berdaya saing dan berimpak tinggi.

50. Sebanyak 6 program akan ditawarkan dengan sasaran seramai 600 anggota ATM melalui **Program Work-Based Award** dengan kerjasama Kementerian Pertahanan (MINDEF). Selain dapat menjana pendapatan universiti, secara tidak langsung, inisiatif ini mempelopori penganugerahan diploma kepada anggota ATM melalui **APEL**.
51. Bagi inisiatif penawaran pembelajaran digital dan fleksibel pula, agenda **MOOC dan Micro-Credential diperluaskan** untuk membantu meningkatkan agenda antarabangsa. Pada tahun ini, kita akan menyelaras projek pembangunan untuk **152 kursus MOOC** dan **40 modul Micro-Credential baharu** dengan melibatkan pakar industri dan rakan kongsi bagi meningkatkan kualiti kandungan kursus.
52. Dalam menyemarakkan budaya menghargai ilmu merangkumi penyelesaian permasalahan komuniti setempat, program yang bersifat '**Festival of Ideas**' perlu dianjurkan dengan penglibatan sekurang-kurangnya seorang tokoh yang tersohor.
53. Bagi **Fokus 4** pula, iaitu **Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi**, usaha yang tuntas diperlukan dari Jabatan Akademik dan Antarabangsa bersama UiTM Global, memperluaskan kerjasama yang memberi impak terhadap ketampakan Universiti dalam landskap global.
54. Kita perlu merancakkan lagi **Program Edutourism** seperti Program *Summer School*, Mobiliti Antarabangsa, penganjuran seminar mahupun persidangan, khususnya di peringkat ASEAN seperti 'Inaugural Presidential Roundtable' bersempena **Kepengerusian ASEAN 2025**.
55. Dalam kita melaksanakan semua ini, ruang dan kelebihan yang ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Misalnya, melalui Pertubuhan IMT-GT UNINET, ketengahkan keperluan optimum mahasiswa agar mereka lebih berdaya saing, berkemahiran dalam komunikasi dan mampu mengadaptasi budaya global.

**Warga UiTM yang dirahmati Allah,**

56. Fokus 5 iaitu **Governans dan Kepimpinan Universiti**, mempunyai peranan penting dalam memastikan kelestarian dan keberkesanannya institusi pendidikan tinggi. Struktur, proses, dan amalan yang dirancang haruslah strategik dan holistik, selaras dengan visi dan misinya.
57. Melalui Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), inisiatif pelan pemantapan kepimpinan perlu dirancakkan dengan program kepimpinan berimpak kepada calon bakat universiti. **Semua program perlu bersulamkan dengan Adab, Nilai Murni dan Akhlik dalam melahirkan pemimpin holistik masa depan** dan mampu melaksanakan agenda transformasi universiti.
58. Untuk memantapkan budaya kerja yang berasaskan etika, nilai dan integriti, **inisiatif kesedaran** yang diusahakan oleh Bahagian Integriti harus diteruskan. Seperti hebahan poster bersiri ‘Ambil Iktibar’. Pada masa yang sama, pemantapan **Program Pengukuhan Integriti** perlu dipergiat dan diperluaskan agar warga lebih cakna. Kini, dua aspek penting yang perlu ditekankan iaitu **aspek Pematuhan dan aspek Pembudayaan**.
59. Berikutan ini, **Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA)** akan dilaksanakan mulai tahun ini selaras dengan Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 2021. **Kursus MPGIA akan diwajibkan untuk semua kumpulan staf terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana.**
60. **Satu Buku Strategi Integriti UiTM 2025 – 2030 akan diluncurkan** dalam masa terdekat. Setiap Jabatan dikehendaki melaksanakan **satu program pembudayaan integriti di PTJ** masing-masing dan dilaporkan ke dalam Laporan Jawatankuasa Tatakelola Universiti.

61. Sebenarnya, **membangunkan sebuah organisasi yang stabil, diumpamakan seperti membina rumah dengan rasuk bumi yang kukuh.** Jika tapaknya lemah dan struktur tidak selamat, sama seperti organisasi yang gagal membina nilai asas yang kukuh. Ia tidak akan dapat menyokong tujuan dan matlamatnya dengan baik. Itulah **peranan Bahagian Integriti sebagai asas kepada pembangunan universiti.**
62. Lain pula dalam konteks mahasiswa. Setiap generasi seperti Generasi X, Y, Z dan Alpha, mempunyai pengalaman dan pandangan yang unik terhadap isu kenegaraan.
63. Namun, kita berperanan membentuk mahasiswa yang lahir dari generasi yang berbeza ini, untuk memahami pembinaan bangsa dan negara.
64. Pendekatan yang baik diperlukan untuk melahirkan mahasiswa yang tidak hanya berilmu, sebaliknya juga, mempunyai empati dan martabat yang menjadi **penghubung antara generasi** dan mampu **membangunkan karamah insaniah.** Oleh itu, **Pemantapan DNA UiTM** perlu diperkasakan melalui inisiatif **Jabatan Hal Ehwal Pelajar.**
65. Sehubungan dengan itu, kursus atau mata pelajaran umum perlu disemak dan ditambahbaik agar sentiasa selari dengan membawa **5 nilai MADANI** dalam **membentuk mahasiswa yang cintakan agama, bangsa dan tanah air.** Sama-samalah kita memainkan peranan membentuk pewaris negara, yang memartabatkan maruah bangsa secara berterusan dan tidak akan kecundang dengan anasir-anasir luar.

**Hadirin yang dihormati,**

66. Tunjang utama dalam menggerakkan segala operasi universiti sangat berkait rapat dengan kewangan. Cabaran pendanaan merupakan isu yang tidak asing lagi dalam konteks UiTM. Sumber pendanaan yang mencukupi sangat diperlukan demi kelangsungan operasi harian kita.

67. *Alhamdulillah*, pada tahun ini secara keseluruhannya, kerajaan telah menaikkan 20 peratus peruntukan non-emolumen dengan meluluskan geran sejumlah **2.02 bilion ringgit**. Justeru, terima kasih diucapkan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan Tinggi yang menerima kertas cadangan dan mengambil kira input yang disalurkan oleh UiTM, agar kami dapat menggerakkan agenda yang dirancang.
68. Walaupun kita mempunyai **defisit** sebanyak **142 juta ringgit**, Pelan Perancangan Kewangan UiTM sedang dirangka untuk inisiatif pendanaan universiti. Dalam tempoh 10 tahun, bermula dari tahun ini, kita akan melalui **4 Fasa Pelaksanaan**, iaitu :
- **Fasa Peralihan (Transition)** : iaitu Fasa transisi untuk 5 tahun akan datang
  - **Fasa Pemulihan (Recovery)** : iaitu Fasa yang mengambil kira RMK-13 dan Perancangan Strategik UiTM2030
  - **Fasa Kecekapan (Efficiency)** : iaitu fasa yang akan memacu UiTM lebih cekap dan kukuh
  - **Fasa Kelestarian (Sustainability)** : iaitu fasa yang memastikan kestabilan kewangan.
69. Inisiatif yang dirancang demi kestabilan kewangan bagi jangka masa panjang juga, tidak ketinggalan untuk difikirkan secara kreatif, agar dapat mengurangkan kebergantungan kita terhadap dana kerajaan. “**Secupak takkan jadi segantang, sehasta takkan jadi sedepa**”, kalau kita tidak bertindak dengan agresif mulai dari sekarang.
70. Berikutan itu, Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) perlu mengadakan inisiatif untuk **mempergiatkan fungsi alumni dalam menyumbang semula kepada UiTM**. Pelbagai program boleh diperhebatkan melalui crowdfunding, endownmen, dan lain-lain aktiviti sumbangan. Kita juga hendaklah menyasarkan **Quality over Quantity** dengan memperbanyakkan aktiviti daripada **MoU/MoA yang sedia ada**.

71. Selain itu, Zakat, Sedekah dan Wakaf sememangnya telah memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk “**budaya filantropi**” dalam kalangan warga. Misalnya, pada tahun lepas, Pejabat Pemeriksaan Adiwangsa melalui Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) telah mengagihkan **zakat hampir 8 juta ringgit kepada lebih 14 ribu penerima asnaf**. Selain itu, sebanyak **2.9 juta ringgit** disalurkan kepada warga melalui program SULUNG dan beberapa program yang lain. Manakala, lebih daripada **700 ribu ringgit** telah diberikan kepada penerima program bantuan seperti Gerobok Rezeki, *Food Bank* dan lain-lain bantuan bencana.
72. Untuk makluman juga, pada tahun 2024, **kutipan zakat meningkat sebanyak 32 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan **faktor kempen yang berterusan** kepada warga dan alumni UiTM.
73. **Melihatkan kepada faktor tersebut**, ZAWAF dengan kerjasama ICAN, menjangkakan momentum peningkatan berterusan dengan melaksanakan **Kempen Zakat Optimum** dan **Kempen Wakaf MADANI UiTM**. Bukan itu saja, beberapa kempen baharu turut akan dilaksanakan iaitu :
- **Kempen Zakat Alumni (*Sirih Pulang ke Gagang*)** – Mensasarkan sumbangan zakat alumni UiTM.
  - **Kempen Duta Zakat (*Zakat Ambassador*)** – Menyediakan platform Duta Zakat UiTM untuk tujuan promosi.
  - **Kempen Jom Sedekah** – Kempen membudayakan sedekah di semua peringkat.
74. Pengurusan Universiti akan turut menyokong semua agenda sumbangan lain seperti Tabung Cakna OKU UiTM, Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi UiTM (TAPIU), Tabung Amanah Pra Pendidikan Tinggi, serta Tabung Program Plus Tahfiz. Marilah kita sama-sama berkongsi rezeki, bak kata pepatah "**Hati Gajah Sama Dilapah, Hati Kuman Sama Dicecah.**"

**Warga UiTM sekalian,**

75. Fokus terakhir, iaitu Fokus 7 adalah berkaitan dengan **Infrastruktur, Digital dan Kampus Sejahtera**. Dalam kebergantungan urusan semasa secara digital, rangkaian tanpa wayar (WiFi) yang tidak mencukupi, boleh menjelaskan capaian untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Bukan itu sahaja, peralatan lama juga boleh menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan ICT.
76. Justeru, usaha menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur ICT melalui Jabatan Digital amat diperlukan agar capaian kepada **internet dan sistem lebih stabil, dipercayai dan mampu menampung jumlah pengguna yang tinggi**.
77. Purata peratusan liputan WiFi keseluruhan sistem UiTM perlu dipertingkatkan sehingga **100 peratus** dengan menaik taraf sistem tersebut di kolej kediaman, bangunan pentadbiran, akademik dan ruang guna sama UiTM cawangan.
78. Agenda kampus sejahtera yang dilaksanakan melalui **Jabatan Pembangunan** dengan kerjasama **Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan OKU UiTM** perlu merancang penambahan kemudahan OKU secara sistematik di kampus yang digazetkan.
79. Oleh itu, semua cawangan diminta untuk mengenal pasti **kemudahan persekitaran pembelajaran** dan **tempat kerja** serta **penginapan mesra OKU** di kolej-kolej kediaman. Permohonan yang dibuat akan diteliti mengikut situasi kewangan Universiti.
80. Insya-Allah, jika perancangan ini dapat dilaksanakan, **700 pelajar dan staf OKU UiTM** di seluruh sistem UiTM akan mendapat manfaatnya.

**Hadirin sekalian,**

81. Selari dengan program 'KPT SIHAT: 10,000 LANGKAH', **Kempen Berjalan 10 Ribu Langkah Staf UiTM** pada tahun lepas menunjukkan seramai 12,677 seluruh sistem UiTM telah menyahut cabaran ini. Daripada jumlah ini, **4.3 peratus** daripadanya telah mencapai **10 ribu langkah melebihi 100 kali**. Manakala, **70 peratus kurang daripada 10 kali**.
82. Justeru, untuk membudayakan gaya hidup sihat, **setiap kampus perlu menyediakan Trek Kesihatan**, iaitu ruang khusus untuk aktiviti berjalan bagi membantu warga kampus mencapai matlamat 10 ribu langkah sehari. Trek kesihatan ini perlulah mesra pengguna dengan memilih permukaan yang baik dan dilengkapi papan tanda jarak untuk mendorong motivasi pengguna.
83. Natijahnya, inisiatif ini dapatkan memastikan **kesejahteraan warga terpelihara**, di samping **mengurangkan tekanan, meningkat kesihatan kardiovaskular serta mengurangi risiko penyakit kronik** seperti diabetes dan obesiti.

**Warga UiTM yang dikasihi,**

84. Dalam memperkasakan keupayaan jentera UiTM, beberapa perkara akan diberi penekanan. Penekanan pertama ialah **Pemantapan Tadbir Urus UiTM**. Dalam penstruktur semula UiTM, beberapa perkara telah pun diambil kira. Antaranya, **semakan semula syarat kenaikan pangkat sedia ada** bagi **staf akademik** dan **bukan akademik** agar seajar dengan jawatan yang disandang atau berdasarkan trek yang dipilih dengan mengambil kira sumbangan yang diberikan, sama ada dipinjamkan secara dalaman ataupun di luar UiTM.
85. Sehubungan dengan itu, pengukuran pencapaian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) juga akan disemak berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama yang diamanahkan kepada setiap staf. Staf perlu memastikan mempunyai sekurang-kurangnya mempunyai PhD atau sijil profesional untuk kemahiran

bidang teknikal masing-masing. Justeru, semua ketua jabatan perlu merancang sebaiknya, agar **sasaran 50 peratus staf UiTM mempunyai PhD dicapai**. Ini akan memberi peluang kepada staf yang terlibat maju di dalam kerjaya.

86. Dalam penekanan kedua ialah **Pemantapan Kerjaya Staf UiTM**. Perlu dilihat semula beban tugas bagi mengurangkan jurang ketara melibatkan kenaikan pangkat berbanding universiti awam lain. Melihat kepada kapasiti pelajar yang besar di UiTM, kriteria tersebut **perlu disemak semula** agar memastikan sumber manusia kita terutamanya tenaga pengajar, terus relevan dan kompetitif.
87. Penekanan ketiga iaitu **Kebebasan Bersuara Staf UiTM (Akta 605)**. Bagi menyokong usaha ini, UiTM akan melihat semula prosedur bagi membolehkan staf pentadbir atau ahli akademik terbuka dalam memberikan pendapat mengikut bidang kepakaran masing-masing. Secara tidak langsung, kesarjanaan universiti sebagai gedung ilmu yang diperlihatkan, dapat dimanfaatkan oleh komuniti. Seperti yang ditekankan oleh Menteri KPT, mereka yang membawa gelaran akademik, perlu menjaga kewibawaan gelaran tersebut.
88. Penekanan seterusnya, ialah **penubuhan RDICE UiTM**, yang menyelaraskan ekosistem penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, dan keusahawanan. Penubuhan ini bertujuan bagi memberi tumpuan kepada pembangunan syarikat **start-up** dan **spin-off**, mengawal selia pembangunan pengkomersilan UiTM, dan meningkatkan pendapatan universiti secara mampan melalui kolaborasi erat antara Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, BITCOM, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, MASMED, dan ICAN. **Dengan usaha ini, dijangkakan sasaran 10% graduan usahawan UiTM dapat dicapai.**
89. Penekanan kelima adalah **Penilaian Beban Tugas dan Waktu Kerja Pensyarah UiTM**. Perkara ini perlu dipertimbangkan untuk **memastikan keseimbangan** antara tanggungjawab pensyarah dan pencapaian hasil kerja. Beban tugas dan pemberat penilai, perlu dilihat semula bagi tujuan ini.

90. UiTM juga akan **menilai semula beban tugas mengikut trek dan fleksibiliti keberadaan pensyarah di kampus**. Penilaian semula ini bertujuan untuk memastikan keperluan keberadaan pensyarah dan sumbangan bidang kepakaran selari dengan trek yang dipilih. Ingin ditekankan bahawa pihak pengurusan turut melihat kepada **keberhasilan dan impaknya**.
91. Bagi penekanan yang seterusnya, **Pengukuhan UiTM Cawangan dengan Kerajaan Negeri**. UiTM Cawangan perlu meneruskan jalinan hubungan yang baik dengan kerajaan dan istana negeri bagi menyokong setiap negeri dan wilayah. Antara yang boleh kita laksanakan adalah mengadakan kunjungan hormat dan menubuhkan galeri khusus di setiap kampus bagi tujuan pendidikan, seterusnya menyokong tema '*locally rooted*' atau 'mengakar ke bumi'.
92. Penekanan terakhir ialah **Pemerkasaan Mobiliti Staf**. Bagi penekanan ini, pertukaran staf antara organisasi adalah usaha strategik untuk memperluaskan jaringan akademik dan meningkatkan kepakaran. Ia dapat membuka peluang kepada staf untuk memperkayakan pengalaman profesional, di samping meningkatkan sinergi dalam komuniti pada peringkat nasional mahupun antarbangsa.

**Warga yang dihormati,**

93. Sekadar perkongsian, dari 2016 hingga 2024, **Trend Enrolmen Mahasiswa secara keseluruhannya menurun** selepas tahun 2018. Walaupun, kumpulan B40 masih mendominasi enrolmen, namun penurunan yang konsisten berlaku. Kumpulan M40 menunjukkan trend turun naik, manakala T20 pula semakin positif.
94. Melihatkan situasi ini, **Prime Minister Advisory Council (PMAC)** dan KPT telah memberi saranan, bermula 2025, **UiTM perlu mensasarkan enrolmen seramai 170 ribu iaitu 85 peratus mahasiswa Prasiswazah Sepenuh Masa** merangkumi pelajar Sarjana Muda, Diploma Lepasan Ijazah, Profesional, Diploma, Asasi dan Pra-Diploma.

95. Manakala seramai 30 ribu iaitu 15 peratus disasarkan kepada **Pascasiswazah** dengan 10 ribu atau 5 peratus daripadanya adalah **Pasca Siswazah Antarabangsa** yang ditawarkan melalui anak-anak Syarikat UiTM dan iCEPS.
96. Rentetan daripada itu juga, bagi meningkatkan reputasi dan kestabilan kewangan UiTM, syarat **pelarasian yuran berdasarkan pendapatan isi rumah** yang diwujudkan perlu diteliti dengan lebih terperinci.
97. Model pendanaan baharu akan disejajarkan dengan **New Funding Formula (NFF)** seperti yang disasarkan oleh KPT, Bendahari, IPSIS, iCEPS, dan Pejabat Transformasi Universiti bersama PTJ berkaitan, perlu melihat semula **yuran Program Pasca-siswazah** dan **Pra-siswazah** secara bersasar. Selaras dengan itu, semua PTJ perlu memastikan penjanaan pendapatan sebanyak **25 peratus**, berbanding kos operasi yang dibelanjakan.

**Hadirin sekalian,**

98. Sebagai sebuah universiti, kita tidak hanya bertanggungjawab memastikan kejayaan akademik dan penyelidikan semata-mata, tetapi juga kesejahteraan seluruh warga UiTM.
99. Kesihatan mental adalah asas yang menentukan kemampuan kita untuk belajar, bekerja, dan berinteraksi secara berkesan. Statistik menunjukkan dari **38.8 peratus** staf yang menjawab kepada saringan Data Profiling Digital Kesihatan Psikologi, **50 peratus daripadanya mempunyai masalah kesihatan mental** dan **4.5 peratus adalah yang berisiko tinggi**. Antara punca yang dikenal pasti adalah disebabkan oleh faktor **kewangan** dan **beban kerja**.
100. **Saringan awal menggunakan skala DASS** (*depression, anxiety and stress*) turut dilaksanakan kepada pelajar baharu UiTM bagi sesi Oktober 2024 yang lalu. Daripada **33,812 pelajar** yang menjalani saringan, didapati **4,790 pelajar adalah berisiko tinggi** dan **228** daripadanya telah menerima rawatan psikiatri sebelum mendaftar ke UiTM.

101. Rentetan daripada itu, kita perlu sentiasa memikirkan cara untuk menyediakan persekitaran yang menyokong kesihatan mental. **Jika kita tidak membantu, bukan hanya menjelaskan individu, malah akan mengganggu produktiviti keseluruhan universiti.**
102. Melalui Pusat Kerjaya dan Kaunseling, antara inisiatif ke arah kesejahteraan warga universiti adalah dengan, **menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling secara berterusan, meningkatkan akses kepada Sistem Counselling2U ke seluruh sistem UiTM, dan menganjurkan program psiko-pendidikan melalui kolaborasi bersasar.**
103. Justeru itu, **semua warga UiTM perlu berperanan dalam membina ekosistem yang sihat.** Diminta, para pensyarah memberi sokongan kepada mana-mana pelajar yang memerlukan. Kepada para pelajar pula, tidak perlu takut untuk mendapatkan bantuan apabila menghadapi dugaan. Keadaan akan menjadi lebih terkawal jika dapat ditangani dengan cara yang betul.
104. Hatta, suka saya petik dari **Surah Al-Ma''idah, ayat 32** yang bermaksud "*Barangsiapa yang menghidupkan (menyelamatkan) satu jiwa, seakan-akan dia telah menghidupkan manusia seluruhnya*". Apa yang ingin disampaikan ialah, kita perlu mengambil tahu dan menggariskan tanggungjawab untuk menjaga kesihatan mental dan kesejahteraan diri sendiri dan komuniti kerana **menjaga kesihatan mental itu satu ibadah.**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

105. UiTM berhadapan dengan sentimen yang sedikit sebanyak mencabar institusi keramat ini, yang bertujuan membuka pintu UiTM kepada selain daripada anak Melayu, Sabah dan Sarawak. Pada masa itu, pelbagai langkah diambil untuk menangani isu ini, termasuklah libat urus dengan pihak berkepentingan.
106. Rentetan itu, pada penganjuran Program Karisma Pemikir Malaysia: Pemerksaan Bumiputera UiTM yang lalu, bukan sahaja melibatkan

kepimpinan tertinggi UiTM, malah melibatkan kepimpinan tertinggi negara. Natijahnya, **UiTM kekal sebagai institusi pengajian tinggi eksklusif untuk Melayu dan Bumiputera.**

107. Alhamdulillah, pada 26 Jun 2024, dalam Persidangan Dewan Rakyat, Menteri KPT telah menjawab persoalan yang dilontarkan mengenai UiTM.
108. Semasa persidangan tersebut, bersama Menteri KPT, sempat saya bisikkan, kewajaran yang perlu ditegaskan terhadap **pengekalan dasar UiTM untuk kaum Melayu, orang asli dan anak negeri Sabah dan Sarawak kerana ia termaktub dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan**. Atas perkara inilah, UiTM masih diperlukan dalam usaha untuk merealisasikan hasrat Kerajaan untuk merapatkan jurang antara kaum terutamanya dalam aspek sosioekonomi.
109. **Penubuhan UiTM adalah respon terhadap kekurangan kumpulan profesional yang terlatih**, terutama dalam kalangan bumiputera di Malaysia. Disinilah, lebih ramai anak-anak kita memperoleh peluang menyambung pengajian dan dilatih untuk mengisi pelbagai jenis jawatan dalam pelbagai sektor termasuk sektor yang berstatus profesional.
110. Seperti yang ditegaskan dalam Amanat Naib Canselor pada tahun lalu, **kita perlu merujuk kepada Raja-Raja sebagai tunjang dalam memperkasakan UiTM**. Semoga kita istiqomah dalam usaha ini bersama-sama **Pejabat Pemerkasaan Adiwangsa**, menyokong slogan ‘Pembudayaan Ilmu Membentuk Adiwangsa’.

**Kepada mahasiswa, pewaris bangsa,**

111. Dalam mendepani abad ke-21, aspirasi utama penubuhan UiTM adalah membentuk jati diri mahasiswa yang kukuh, berlandaskan cinta kepada agama, bangsa, dan tanah air. **Mahasiswa bukan sekadar pewaris tetapi pemangkin perubahan**, yang memainkan peranan penting dalam membina masyarakat dan negara yang bermaruah.

112. Itulah asal usul penubuhan dan pembentukan UiTM yang ada di dalam **Akta 173 (1A), menurut dan mengikut Peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.**
113. Dalam mendepani jurang yang ketara antara generasi muda yang sering terdedah kepada ideologi global yang terlalu liberal, yang kadangkala boleh menggugat nilai tradisi dan akar budayanya. Ini juga cabaran!
114. Usaha memperkasakan jati diri anak Melayu Islam adalah tugas yang tidak akan lentur, selagi kita berpegang kepada **ikrar rukun negara**. UiTM akan terus mengintegrasikan elemen keagamaan, kebudayaan, dan patriotisme dalam kurikulum serta aktiviti pelajar melalui pendekatan pendidikan holistik.
115. Justeru, peranan **Pejabat Pemeriksaan Adiwangsa** dan **Jabatan Hal Ehwal Pelajar** sangat penting untuk usaha ini. Ingat, kita ingin membina mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah mempunyai nilai integriti, keimanan yang mendalam, dan semangat patriotik yang tulen.

**Hadirin sekalian,**

116. Beberapa pemakluman yang ingin disampaikan. Pemakluman pertama, kita berbangga mempunyai 2 HiCoE yang telah mendapat pengiktirafan KPT baru-baru ini iaitu **Institute of Pathology, Laboratory and Forensic Medicine (i-PPerForM)** dan **Institut Seni Kreatif Nusantara (INSAN)**. Kekalkan prestasi yang baik dan pastikan sasaran penyelidikan dicapai dengan baik. Begitu juga dengan CoE yang lain, **pemantauan prestasi berdasarkan instrumen HiCoE** perlu, bagi memastikan pengurusan yang berkesan.
117. Pemakluman kedua, berkenaan dengan **Penstrukturkan Kolej Pengajian kepada Fakulti**, untuk makluman, kertas cadangan berkaitan akan dihantar kepada **KPT** pada **31 Januari 2025** ini. Diharapkan usaha ini dapat melancarkan tadbir urus dan pengurusan akademik universiti.

118. Pemakluman yang ketiga, bagi menggalakkan budaya hidup sihat dalam kalangan staf, maka pada tahun ini, **Skim Pembiayaan Kenderaan akan dipanjangkan kepada pembelian basikal dengan had pinjaman sehingga 10 ribu ringgit.**
119. Pemakluman yang keempat, **mulai 1 Mac 2025, kadar faedah bagi pinjaman komputer dan telefon pintar diturunkan dari 4% kepada 2%.**
120. Dan, pemakluman yang kelima ialah hala tuju UiTM sehingga tahun 2040. Pejabat Transformasi Universiti sedang giat merangka Pelan Strategik UiTM2030 dan UiTM2040.
121. Dalam **Pelan Strategik UiTM2030**, UiTM akan menumpukan kepada lebih banyak pembelajaran atas talian dan hibrid, disokong oleh teknologi dan keperluan untuk pembelajaran fleksibiliti serta tumpuan akan diberikan kepada STEM, Sains Data dan Kemahiran Digital.\
122. **Pelaksanaan UiTM2030** pula berdasarkan kepada **4 titik impak** iaitu:
  - Inovasi Teknologi,
  - Pembangunan Bakat,
  - Perubahan budaya dan Masyarakat;
  - Perkembangan dan Pembangunan Ekonomi.
123. InsyaAllah, mereka sedang berada dalam **fasa Semakan** sebelum **fasa Tindakan** bermula pada April 2025 nanti.

**Hadirin sekalian,**

124. Pada kesempatan ini juga, terdapat **tiga saranan** yang ingin ditekankan.
125. Saranan pertama, **mengenai elemen 3R, iaitu reuse, recycle dan reduce** yang perlu dijadikan satu pembudayaan di kampus. *Alhamdulillah*, banyak input aktiviti yang kita peroleh daripada seluruh kampus untuk merealisasikan kelestarian alam sekitar.
126. Teruskan dengan menyokong usaha Hijau dan Kecekapan Tenaga yang secara tidak langsung mengurangkan kos operasi. Salah satu usaha yang boleh dilaksanakan ialah pengawalan penggunaan penghawa dingin berpusat. Penghawa dingin dicadangkan untuk **dibuka setengah jam lewat** dan **ditutup setengah jam awal** pada setiap hari, berkuatkuasa hari ini di seluruh kampus UiTM.
127. Penggunaan **sistem pembayaran tanpa tunai yang lebih cekap** di seluruh kampus juga digalakkan.
128. Untuk kesedaran kepentingan alam sekitar, UiTM juga akan **mempromosikan Eco-Tourism di seluruh kampus UiTM**. Setiap cawangan perlu mengenal pasti kawasan yang menarik untuk dijadikan destinasi. Misalnya, di UiTM Cawangan Kelantan dan Terengganu, kita mempunyai sungai di dalam kampus. Boleh difikirkan untuk inisiatif Pembangunan Infrastruktur Mesra Alam, Program Pelancongan dalam Kampus, dan lain-lain.
129. Saranan kedua, berkenaan **Pewujudan Jawatan Ombudsman**. UiTM akan menggunakan **mekanisme semak dan imbang** dalam apa-apa penilaian atau semakan terhadap ketetapan agar tindakan menjadi lebih tepat.

130. Jawatan **Ombudsman** akan dirangka dalam masa terdekat untuk tujuan itu. Dan UiTM mempunyai 5 buah Kesatuan/Persatuan yang berdaftar, iaitu:
- Kesatuan Kakitangan Umum UiTM (KKUiTM);
  - Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA);
  - Persatuan Wanita UiTM (PEWANI);
  - Persatuan Pentadbir UiTM (PPUiTM); dan
  - Persatuan Kakitangan Akademik UiTM (UTiMAS).
131. Justeru itu, gunakanlah saluran yang ada untuk **menyuarkan pendapat dan ketidakpuasan hati** kepada pengurusan atasan melalui platform ini. Bukan sahaja berperanan untuk memperjuangkan hak-hak warga, malah saya melihat persatuan-persatuan ini perlu kita libatkan dalam pembentukan dasar serta polisi yang lebih baik, telus dan berintegriti.
132. Selain itu, **Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam** atau **AKRAB** juga boleh memainkan peranan dengan berkesan dalam mengendalikan dalam organisasi masing-masing. **Pastikan Ketua PTJ peka dengan fungsi AKRAB** di organisasi masing-masing.
133. Pada tahun ini, kita mengharapkan, indeks kegembiraan UiTM meningkat lebih baik berbanding yang dicatatkan pada tahun lepas iaitu **74 peratus**. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu menggembungkan tenaga dalam memastikan kesejahteraan **jasmani, emosi, rohani** dan **intelek** setiap warga UiTM.
134. Bagi saranan ketiga, untuk **ketampakan universiti**, kita harus memastikan setiap berita kejayaan dan pencapaian, disampaikan dengan berkesan. Justeru, **perhebatkan cerita kejayaan mengenai universiti melalui naratif digital yang baik** melalui **Unit Komunikasi Korporat (UKK)**.
135. Oleh itu, **peranan UKK di setiap PTJ** harus diperkasakan dengan membudayakan penulisan dan hebahan berkualiti melalui **pelbagai platform digital**.

**136.** Dalam konteks ini, apa yang kita perlukan adalah “*Work smart and be creative*”. **Umpama kita melihat sebutir berlian.** *Kita tidak memerlukan 10 berlian berasingan untuk mencipta kilauan; cukup hanya dengan sebutir berlian yang sinarnya terpancar di setiap sudut.* Prinsip yang sama boleh digunakan dalam penyampaian sesebuah cerita.

**Semua warga UiTM yang dikasihi,**

**137.** Sebagai penutup, ada berita baik berkenaan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA). Diucapkan tahniah kepada HASA atas pengiktirafan Anugerah Hospital Rakan Bayi dari Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini.

**138.** Tahniah juga kepada **6 penerima kenaikan pangkat ke V6** atas usaha cemerlang, iaitu:

- Prof. Dr Mohd Sazili
- Prof. Dr Norazah
- Prof. Dr Wong Tin Wui
- Prof. Dr Shafinar
- Prof. Dr Haryani
- Prof. Dr Wardah

**139.** Saya ingin maklum kepada semua bahawa kita bakal menerima **lantikan 6 rektor baharu** dari KPT dan kita nantikan pengumumannya dalam masa terdekat. InsyaAllah.

**140.** Nasib tidak boleh kita duga,

Takdir juga tidak boleh kita ubah,

Namun, dengan DOA yang berterusan.

Tidak ada yang mustahil apabila Allah kata **كُنْ فَيَكُونُ**.

**141.** Alhamdulillah, kita telah dipertemukan dengan bulan Rejab, bulan permulaan untuk memperbaiki diri, membuka pintu amalan menuju Syaaban dan akhirnya menyambut keagungan Ramadan yang penuh keberkatan. Semoga perjalanan kerohanian kita dalam bulan-bulan penuh keberkatan ini memberi makna mendalam kepada kehidupan dan mendekatkan diri kepada redha Allah SWT.

**142.** Minggu depan ialah minggu akhir kuliah. Tidak lupa untuk diucapkan **selamat mengulangkaji pelajaran** dan **selamat maju jaya** kepada semua mahasiswa UiTM yang akan menduduki peperiksaan pada Februari nanti.

**143.** Saya juga ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baharu** buat semua Warga UiTM yang berbangsa Cina. Akhir kalam, saya akhiri dengan **dua rangkap pantun**.

*Keris diasah di malam terang,  
Pendekar gagah memagar bumi,  
Bersama kita harungi gelombang,  
Kukuh tekad sepakatnya hati.*

*Langkah silat tersusun rapi,  
Gema gendang menambah seri,  
Bersama kita menjaga universiti,  
Demi kelestarian anak pertiwi.*

**Sekian,**

**Wabillahi TaufiqWalhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**